

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 21 JULAI 2023  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 37

## Malaysia diiktiraf negara terbaik di Asia Tenggara

### INDEKS PERALIHAN TENAGA WEF

### Malaysia diiktiraf negara terbaik di Asia Tenggara

Kuala Lumpur: Malaysia telah diiktiraf sebagai negara terbaik di Asia Tenggara dalam Indeks Peralihan Tenaga oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF), baru-baru ini.

Indeks itu mengambil kira prestasi sistem dan kesediaan negara untuk beralih ke sumber tenaga yang lebih mesra alam.

Menurut Menteri Ekonomi Rafizi Ramli, pencapaian ini menunjukkan bahawa Malaysia berada di landasan yang tepat bagi pengurusan peralihan tenaga yang pantas, selamat dan berpatutan.

"Selain itu, Malaysia juga mempunyai pelbagai kelebihan strategik seperti lokasi yang strategik, sumber tenaga boleh baharu (TBB) yang pelbagai dan tahap kemahiran yang tinggi untuk menjadi peneraju serantau dalam bidang peralihan tenaga," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurutnya, Malaysia dijangka mampu meraih peluang untuk menarik pelaburan global dalam sektor teknologi bersih yang telah mencecah RM5 trilion pada 2022.

Nilai itu dijangka terus meningkat pada tahun-tahun mendatang, katanya.

Sementara itu, pada 27 Julai, 2023, Kementerian Ekonomi akan melancarkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) Fasa 1 semasa program Invest Malaysia KL 2023 Special Series anjuran Bursa Malaysia dengan kerjasama CLSA dan Maybank di Kuala Lumpur.

Peluncuran NETR Fasa 1 merupakan titik permulaan dalam usaha mengurusperdagangan peralihan tenaga naratif pembangunan negara.

NETR akan mengumumkan pelaksanaan 10 projek rintis perdana yang dijangka menjana pelaburan berjumlah RM25 bilion, mewujudkan 23,000 peluang pekerjaan yang berkualiti tinggi serta pengurangan pelepasan karbon dioksida setara melebihi 10,000 gigagram setahun secara kumulatif.